

02/11/2003

Cinta Pak Lah, Endon berputik di musabaqah

Hafizah Iszahanid

SAYA tertarik kepada Pak Lah kerana dia mengajak saya menyaksikan musabaqah membaca al-Quran," kata Datin Seri Endon Mahmood.

Peristiwa itu berlaku pada 1964 dan itulah `first date' Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Endon, yang membawa mereka ke alam perkahwinan.

Detik pertemuan awal itu diceritakan Endon kepada wartawan Berita Minggu ketika menemubual beliau di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri, di Putrajaya, Khamis lalu, sehari sebelum Abdullah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Beliau menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang melepaskan jawatannya pada 31 Oktober lalu.

Beliau ketika mengimbas saat-saat manis itu tersenyum mesra dan sesekali tertawa kecil.

"Saya bertemu dengan Pak Lah pada 1964. Waktu itu saya bekerja di Federal Establishment Office (FEO) di Rumah Persekutuan, sekarang ini sama taraf dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). aya sebenarnya sudah bekerja di situ dulu. Selepas tamat belajar dia (Abdullah) bekerja di situ. Di situlah kami bertemu kerana duduk bertentangan meja," katanya.

Awalnya Endon tidak pernah terlintas Abdullah akan menjadi teman hidupnya, tetapi kuasa Allah tidak siapa dapat menduga. `Keberanian' Pak Lah mengajaknya keluar cukup mempesonakan.

"Kalau awak tanya apa yang membuat saya tertarik pada Pak Lah ialah kerana dia mengajak saya menyaksikan musabaqah membaca Al Quran pada 1964 dan ia sebagai `first date' kami," katanya.

Meskipun tergamam seketika tetapi Endon mula terfikir, lelaki yang mengajaknya keluar itu ialah lelaki yang baik serta dapat membantu dalam soal agama.

"Saya memang tak pandai bahasa Arab, maka semuanya dia (Abdullah) terjemahkan untuk saya. Kerana itu saya benar-benar tertarik kepada Pak Lah," katanya.

Datang daripada keluarga berdarah campuran, ibu Endon berketurunan Jepun menyebabkan, Endon tidak dapat banyak belajar mengenai agama daripada ibu, begitu juga dengan kesibukan tugas ayah, mengehendkan masa dia belajar agama daripadanya. Namun, Endon masih memiliki ibu saudara yang mengajarnya solat, puasa dan semua hal-hal agama.

Tetapi jauh di sudut hati Endon, dia ingin mendalami lagi ilmu agama dan sering kali berdoa dipertemuan jodoh dengan lelaki beriman dan berpengetahuan agama. Doanya termakbul ketika Pak Lah menghulurkan salam perkenalan.

"Di kalangan kawan-kawan rapat, kenangan `first date' kami di musabaqah menjadi bahan usikan hingga kini," katanya.

Endon dan Pak Lah tidak mengambil masa yang lama untuk saling mengenali. Justeru pada 4 September 1965, anak kelahiran Klang Selangor itu disunting Pak Lah sebagai suri hidupnya.

"Selama 38 tahun, kami hidup bersama Pak Lah memang jarang marah. Dia seorang yang sangat sabar, penyayang dan sukakan kanak-kanak. Dia suami yang baik, ayah yang baik dan saya percaya dia mampu menjadi Perdana Menteri yang baik," katanya.

Ketika sesama mereka, Endon memanggil Pak Lah, Yang (Sayang) begitu juga sebaliknya. Perkahwinan mereka dikurniakan dengan dua cahaya mata, Kamaluddin dan Nori.

Kata Endon, sikap penyayang dan bertanggungjawab Pak Lah mengeratkan

lagi hubungan kasih sayang antara mereka.

"Saya masih ingat ketika melahirkan anak, Pak Lah akan cuti 10 hari untuk menjaga bayi kami. Saya memang takut nak pegang bayi sebab masih merah lagi, tapi tidak bagi Pak Lah. Dia akan mandikan mereka, salin lampin," katanya

Malah kata Endon, hingga anak-anak dewasa dan belum berkahwin, Pak Lah sentiasa mengambil tahu mengenai anak-anaknya meskipun dia sibuk.

"Pak Lah akan `check`, kalau anak balik lambat, dia telefon anak, Nori ni dah pukul 11, mana ni.. baliklah. Kalau kami nak keluar rumah, dia akan pastikan semua pintu, tingkap sudah berkunci baru keluar," katanya

Bukan sekadar penyayang dan teliti, Pak Lah juga begitu mengambil berat mengenai semua ahli keluarganya.

"Pak Lah selalu bercerita pasal ayahnya, ibunya, nenek, bapa saudara. Dari situ saya mula terfikir...oh... Pak Lah seorang yang mementingkan hubungan kekeluargaan dan saya harus menyayangi dan memahami mereka seperti mana Pak Lah," katanya.

Selepas berkahwin, Endon berhenti kerja secara sukarela kerana Pak Lah ada memberitahunya, dia mampu bekerja dengan lebih baik jika Endon menjaga anak-anak dan rumah tangga. Meskipun bersuamikan ahli politik, Endon sebenarnya tidak meminati politik dan Pak Lah begitu memahaminya.

"Saya jarang ikut Pak Lah ke Kepala Batas, setahun empat kali dan hari raya. Memang sejak dulu Pak Lah tidak mahu babitkan saya kerana tahu saya tak minat. Saya ini hanyalah seorang suri rumah, jaga anak-anak dan menghias rumah.

"Mula-mula kenal dulu saya tak tahu pun pembabitannya dalam politik. Dah kahwin baru saya tahu mengenai pergerakan pelajar. Dia juga ada berbincang dengan ayahnya mengenai politik, tetamu datang ke rumah berbual politik. Baru saya tahu.. oh, dia minat politik rupanya," katanya.

Endon memberi sokongan sepenuhnya kepada kegiatan politik Pak Lah. Selama 38 tahun usia perkahwinan mereka, Endon jadi saksi jatuh bangun Pak Lah dalam politik.

Dalam pada menemani Pak Lah menjalankan urusan rasmi, terutama ketika Pak Lah menjadi Menteri Luar selama sembilan tahun, Endon memupuk minat tersendiri terhadap kraf dan seni.

"Kalau saya ikut Pak Lah keluar negara, saya selalu beli cenderahati atau barang-barang hiasan rumah. Tidak semestinya mahal, biasanya saya beli dengan harga yang murah tapi saya perkemaskan supaya nampak mahal. Pak Lah tak minat semua itu. Selalu kalau saya beli dia akan tanya, apa sampah yang saya beli tu? Tapi apabila sudah saya hias rumah dan susun baik-baik, dia akan kata cantik juga ye," katanya.

Kesibukan tugas ada kalanya menghadkan masa Pak Lah bersama anak-anak tetapi Endon sering menjadi perantara untuk memberitahu setiap satu mengenai anak mereka.

"Saya selalu kata, tak payah jauh-jauh cari idola, ikut macam babah. Anak lelaki saya memang mengagumi ayahnya. Setiap satu yang dia buat, dia akan rujuk Pak Lah. Ada sekali tu, dia nak beritahu mengenai perancangannya menyambung pengajian di luar negara. Dia terpaksa tunggu Pak Lah di tepi tikar sembahyang sebab kalau tak tunggu Pak Lah akan bergegas ke tempat lain," katanya.

Ketika Kamaluddin mendapat tawaran ke luar negara, dia hanya sempat memberitahu Pak Lah ketika di dalam kereta. Waktu itu, Endon meminta Pak Lah meluangkan sedikit masa menghantar Kamaluddin sebagai tanda sokongan.

Kata Endon, dia cukup berbangga dengan kedua-dua anaknya. Didikan agama dan duniawi yang diberikan kepada mereka menjadikan kedua-duanya insan yang sentiasa mengenang jasa orang tua. Hati Endon cukup tersentuh ketika Kamaluddin ditanya apakah sumbangan yang boleh diberikan kepada Pak Lah sebagai Perdana Menteri, dia menjawab: "Saya akan cuba tidak menyusahkan

babah," katanya

Selepas anak-anak dewasa dan berkahwin, Endon memiliki banyak masa untuk memberi sokongan kepada Pak Lah dan mempromosikan seni dan budaya seperti kebaya dan batik. Dalam kesibukan itu, Endon dikejutkan dengan berita dia menghidap barah.

"Saya bersyukur saya ada anak yang boleh membiayai perbelanjaan rawatan saya dan suami, ahli keluarga juga kawan yang memberi banyak sokongan. Memang ketika saya dibedah saya berharap Pak Lah ada di sisi, tetapi ketika itu dia sibuk dengan pilihan raya di Pendang, Kedah dan saya memahami keadaan itu. Saya tahu negara lebih memerlukan Pak Lah dan saya rela berkorban," katanya.

Selepas 38 tahun hidup bersama, melalui payah dan getir kehidupan, kasih sayang Endon kepada Pak Lah semakin mendalam dan tidak pernah seinci pun berubah. Justeru, tidak hairanlah di kalangan kawan-kawan mereka dikenali sebagai pasangan romantis.

"Saya sangat bangga dengannya, kalau orang bertanya siapakah idola saya, jawapan saya ialah Pak Lah, lelaki yang amat saya cintai. Sepanjang saya berkahwin dengannya, dia sangat sabar, dia suami dan ayah yang baik," katanya.